

Konsep *Sad al-Dhara'i'* (Penutupan Pintu Keburukan) Berkaitan Pendekatan Pencegahan dan Pemulihan dalam Pendidikan Seksualiti di Malaysia
The Concept of *Sad al-Dhara'i'* (Blocking the Means) Related to Preventive and Rehabilitation in Sexuality Education in Malaysia

Nazerah Mustafa¹

Abdul Latiff Abu Bakar¹

Mokmin Basri¹

Abur Hamdi Usman²

(Received: November 26, 2021; Revised: December 20, 2021; Accepted: December 27, 2021)

ABSTRAK

Topik ini mengenai menutupi pintu keburukan (*Sad al-Dhara'i'*) memberi gambaran bahawa *al-Mafsadah* (keburukan) di kalangan remaja yang seakan berlaku sekiranya tidak disekat. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti perbezaan dan meneliti peranan serta mengkaji hikmah terhadap psikoterapi Islam mengenai konsep *Sad al-Dhara'i'* berkaitan pendekatan pencegahan dan pemulihan. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan analisis kandungan dan analisis dokumen terhadap kitab-kitab ulama lampau dan kontemporari. Kesahannya boleh dipercayai dengan bahan rujukan dan bibliografi yang disertakan. Pernyataan masalah adalah ekoran memelihara faktor pelindung dan menangani faktor risiko dari berleluasa, namun melalui intervensi peranan kerajaan iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Enakment Tatasusila Jenayah Syariah oleh Jabatan Agama Islam Negeri, Tindakan Dasar Keluarga Sakinah Negara oleh JAKIM dan Bahagian IPD Komuniti, PDRM sebagai satu bentuk yang dapat menutupi pintu keburukan yang destruktif atau merosakkan. Hasil kajian psikoterapi Islam ialah membebaskan diri dari kejahilan dan jiwa yang murung. Oleh itu, konsep Hikmah Terapi Islam menjelaskan bahawa pendekatan pencegahan adalah lebih dominan dari pemulihan (prevention is better than cure) melalui penutupan pintu keburukan *Sad al-Dhara'i'*. Oleh itu, semoga kesimpulan hikmah Terapi Islam ini dapat menjadi pegangan setiap remaja berpanduan gerak geri dan perbuatan serta sikap Rasulullah SAW.

Kata Kunci: *Sad al-Dhara'i'*, Pencegahan, Pemulihan, Pendidikan, Seksualiti

¹ Universiti Islam Malaysia (UIM), Selangor, Malaysia

² Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia. (Corresponding author / Email : aburhamdi@kuis.edu.my)

ABSTRACT

This topic is about *Sad al-Dhara'i'*, which implies blocking the means to *al-Mafsadah* (evil) among teenagers, which is likely to materialize if the means towards it are not obstructed. This research aims to study Islamic Psychotherapy's difference, role, and wisdom towards preventive and rehabilitation given by *Sad al-Dhara'i'*. The methodology used is the qualitative approach on documents and content analysis on books of previous and contemporary scholars. The validity and transparency of articles may be believable by references given. The problem statement is about how the risk and protective factors are being widespread even though through the initiative of Malaysian government, that is Jabatan Kebajikan Masyarakat, Enakmen Tatasusila Jenayah Syariah, Tindakan Dasar Keluarga Sakinah Negara, JAKIM, and IPD Community, PDRM as form of blocking the ends of destructive acts or harmful. The result of Islamic Psychotherapy clearly says that prevention is much better than the rehabilitation made through *Sad al-Dhara'i'*. Therefore, it's concluded that every teenager should firmly hold Islamic Psychotherapy wisdom as by the attitude and movement of the Prophet Muhammad (pbuh).

Keywords: *Sad al-Dhara'i'*, Prevention, Rehabilitation, Education, Sexuality

Pendahuluan

Sad al-Dhara'i' dilihat sebagai satu konsep yang menutupi segala pintu yang membawa kepada perbuatan jenayah sosial yang diharamkan ajaran Islam. Kalimah *Sad al-Dhara'i'* berasal daripada dua perkataan iaitu, *sad* bermaksud mendapat, tegap dan lurus, juga menentukan tujuan, membetulkan dan mendidik (Farhat, 2000). Lafaz *Sad* juga bermaksud tutup, menegah, menghalang, menyekat atau pun sumbat (Ibn Manzur, 1958). Manakala *al-Dhara'i'* merupakan kata jamak daripada perkataan *dhari'ah*, yang bermaksud menghalang dari berlakunya perkara fasad seperti melihat aurat wanita ajnabi yang boleh membawa kepada zina (Mohamad, Omar, Muda & Yahya, 2001; Badran, 1965). Biasanya, perkataan *al-Dhara'i'* menunjukkan kepada keburukan (Zaydan, 2009), sepertimana dipaparkan setiap hari dalam media pelbagai insiden pergaduhan, pembunuhan, pencabulan, anak lari dari rumah, hilang pedoman dan sebagainya (Yaakub, 2004).

Gejala sosial seperti pergaulan bebas tanpa batas, mengambil dadah, perbuatan membuli, pornografi, cinta terhadap pasangan dan 105 daripada 124 remaja menyebabkan mereka terjebak dalam salah laku seksual ini (Azmi, 2009). Golongan remaja berisiko dapat dikenalpasti apabila seseorang terlibat menyalahi had nilai dalam masyarakat dan golongan ini

terutamanya dari kumpulan keluarga yang konflik dan berlaku perceraian. (Nazim, Shama & Hamjah, 2013). Dora (2004) yang mendapati kurangnya kasih sayang dan berlaku pengabaian ibu bapa terhadap pergaulan bebas. Ibu Pejabat Balai Polis Johor Baru pula melaporkan terdapat peningkatan kes juvana antara 2001-2004, faktor ini menyumbang kepada masalah keciciran dan menyebabkan pembentukan tingkah laku tidak bermoral. Di Kelantan, Rahman et al. (2011) mendapati pelajar antara 13-17 tahun, 50% dari mereka telah melalui pengalaman mengadakan seksual di awal usia sebelum 14 tahun. Sejak tahun 2012, Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PKRS) melaporkan 49.7 peratus remaja mengadakan hubungan intim dengan lebih daripada seorang pasangan, akibatnya mengalami kehamilan dari keterlanjuran yang tidak disekat.

Hal ini seiring sepertimana yang disebut oleh Muhammad Yusuf (2002) menyenaraikan tiga punca utama menyebabkan kepincangan masyarakat, iaitu; pertama, tertipu dengan godaan syahwat; kedua, berpaling dari ajaran agama; ketiga, tewas dengan perancangan pihak musuh Islam tanpa sedar iaitu seperti golongan Liberalism dan Sekularism yang permisif di sebalik nama Hak Asasi Manusia. Menurut golongan ini, orang lain tidak boleh campur tangan dalam hal-hal lain walaupun perbuatan melanggar tatasusila seperti pergaulan bebas, pakaian menjolok mata, berhibur di pusat-pusat hiburan di samping minum arak atau pun berjudi (Hussin, 2007). Sejajar dengan perkembangan kumpulan LGBT di Malaysia, disokong oleh Negara besar di dunia dan didokong oleh perjuangan peringkat antarabangsa iaitu United Nation Human Right Convention (UNHRC). Dengan itu, prinsip, akhlak dan nilai agama Islam mengancam perundangan jenayah syariah disebabkan tuntutan hak sepertimana di Negara luar (Mohamad, 2015). Kepercayaan Islam yang baru menggantikan kepercayaan Islam yang lama dan pencegahan penyakit kelamin hanya diselesaikan secara superficial (dasar) menurut pemikiran, dan hal ini yang menyimpang dari sosiobudaya Negara ini (Abdullah, 2007).

Din (2001) menegaskan bahawa manusia mempunyai kerohanian yang tunduk pada akal yang waras, membezakan yang baik dan buruk iaitu tunduk pada hawa nafsu yang merosakan. Oleh itu, langkah pencegahan merupakan sesuatu yang penting untuk melatih remaja meningkatkan keupayaan menahan diri daripada terjebak dalam pintu maksiat atau dosa-dosa besar. Tujuan konsep *Sad al-Dhara'i'* supaya dapat mengelakkan remaja dari melakukan keburukan, disebabkan agama Islam sebagai punca dan pencetus utama kepada akhlak dan peribadi terpuji, secara langsung ianya berhubung dengan prinsip ketuhanan (Din, 2001).

Oleh itu, dalam menangani kepincangan ini, timbul beberapa persoalan yang perlu diteliti, iaitu Pertama, meneliti perbezaan di antara pendekatan pencegahan dan pemulihan; Kedua, menyingkap dan mengenalpasti pendekatan ini dilihat sebagai satu pendekatan yang mampu menutupi pintu-pintu keburukan; Ketiga, mengkaji hikmah pelaksanaan psikoterapi Islam dalam pencegahan dan pemulihan berkaitan penutupan pintu keburukan yang terbuka luas dalam Negara ini.

Metodologi Kajian

Objektif kajian ini ialah mengenalpasti perbezaan dan meneliti peranan serta mengkaji hikmah terhadap psikoterapi Islam mengenai konsep *Sad al-Dhara'i'* berkaitan pendekatan pencegahan dan pemulihan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan metod kajian analisis kandungan mengenai menutupi pintu maksiat dengan konsep Pencegahan dan Pemulihan. Data dipungut dari al-Quran, al-Hadith kitab-kitab ulama lampau dan kontemporari dan data dianalisis mengikut analisis dokumen dan analisis kandungan. Rekabentuk kajian kualitatif menunjukkan perkaitan yang jelas antara strategi, rekabentuk dan teknik kajian serta sangat bersesuaian dengan penggunaan yang dikemukakan oleh Creswell (2009). Kesahan bahan ini dipercayai dan boleh diterima pakai kerana seiring dengan pengkajian yang disertakan dalam rujukan dan bibliografi.

Kajian Literatur

Konsep kebaikan memberi gambaran bahawa (makruf) itu bersifat (al-maslahah), dan keburukan (al-mafsadah) itu bersifat kerusakan disebut dalam al-Quran sebagai munkar. Dengan itu, al-Suyuti (t.th.) menegaskan bahawa makruf membentuk akhlak dengan pimpinan keperibadian terpuji, manakala munkar membentuk akhlak yang tercela, kerana kecenderungan manusia menuruti hawa nafsu. Manusia dikendalikan oleh syahwat juga menggambarkan kerakusan dan kebodohnya. Menurut al-Suyuti (t.th.) bahawa makruf dan munkar keduanya adalah bersifat syariah. Ibn Miskawayh (1999) menyatakan bahawa kebaikan manusia terletak pada pemikirannya untuk berfikir dan tingkah laku manusia mengandungi unsur naluri dan unsur usaha latihan.

Begitu juga *al-Khayr* (kebajikan), *al-Ma'ruf*, *al-Bir*, *al-Maslahah* yang menjurus kepada semua kebaikan. Istilah-istilah tersebut bermaksud menuruti syarak dengan melakukan kebaikan dan meninggalkan akhlak yang tidak baik. Dalam surah al-Baqarah ayat 177, Allah

SWT berfirman tentang kebaikan itu antara lain merujuk kepada orang yang beriman dan melakukan amalan kebaikan sesama manusia memberi maksud *“Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa.”*

al-Mafsadah (kerusakan), *al-Shar* (kejahatan), *al-Munkar* (kebatilan), serta *al-Fahishah* (kekejian) yang merujuk kepada keburukan yang berdasarkan syarak, akal dan kemanusiaan. *al-Shar* bererti perlakuan yang tidak menuruti syarak bagi mereka yang melakukan kejahatan sosial. *al-Munkar* dan *al-Mafsadah* adalah perkara yang seakan sama ertinya dengan *al-Shar* dan *al-fahishah*. Contohnya ialah surah a-Isra ayat 32 yang menerangkan bahawa zina itu perkara keji sebagai mana maksud ayat “Janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji (fahisyah) dan suatu jalan yang buruk.”

Dalam pendekatan pemulihan ini, remaja bermasalah sangat memerlukan intervensi ahli keluarga sedangkan realiti yang diterima daripada keluarga pada awal pendedahan adalah rasa kecewa, malu dan akhirnya meminggirkan remaja tersebut. Kesalahan pelaku terpaksa ditanggung sendiri dan bebanan tekanan yang hebat tidak dapat dikongsi bersama ahli keluarga. Ibn Manzur (1958) pula menjelaskan bahawa keburukan manusia adalah sesuatu yang menjadikannya hina pada pandangan manusia.

Pada tahun 2003, lebih 300 orang kanak-kanak dan remaja berusia antara 13-25 tahun, terlibat dengan salah laku seksual dan seks bebas sehingga membawa kepada kehamilan dan pengguguran janin di Malaysia (Sabran, 2003). Menurut al-Tawil (1992) tujuan pendidikan seks ialah berasaskan naluri, memberi peringatan dan pengajaran sejak baligh dan remaja akan berwaspada terhadap penyimpangan yang dilarang oleh agama Islam sekiranya dibekali dengan ilmu keimanan. Dalam hal tersebut, ditekankan pengajaran psikologis ini secara menyeluruh

agar remaja memahami kesucian hubungan seksual dan dosa besar pada pandangan Allah SWT (Hathout, 1994). Hal ini termasuk sebagai suatu usaha preventif dan Ibn Manzur (1958) pula menjelaskan bahawa keburukan manusia adalah sesuatu yang menjadikannya hina. Oleh itu, pengetahuan perubahan biologis dan psikologis berkaitan fungsi organ reproduksi tidak harus diabaikan. Hal ini sejajar dengan pandangan Al-Attas (1994), iaitu pendidikan merupakan proses penerapan adab ke dalam diri seseorang. Syariat Islam adalah bertujuan memelihara kebaikan dan manfaat (masalah dan manfaat) dan menjauhi keburukan dan bahaya.

Imam al-Ghazali (t.th.) dalam kitabnya *al-Mabadi' al-Khamsah* atau *al-Usul al-Khamsah* membahagikan *al-Daruriyyat* kepada lima elemen iaitu pemeliharaan agama Islam (*hifz al-din*), memelihara nyawa atau jiwa (*hifz al-nafs*), memelihara akal (*hifz al-'aql*), memelihara keturunan (*hifz al-nasl*) dan memelihara harta (*hifz al-mal*). Oleh itu, setiap manusia yang mendambakan kemaslahatan untuk kesejahteraan akan mengambil inisiatif untuk mengutamakan lima *al-Daruriyyat* ini dalam kehidupan. Dalam memelihara keturunan bertujuan melindungi daripada gangguan zina mata dan zina faraj, mujahadah melawan hawa nafsu sehingga melalui perkahwinan menghasilkan keturunan adalah menjadi matlamat utama umat Islam.

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Pendekatan Pencegahan dalam Islam

Pendekatan pencegahan adalah melindungi seseorang atau sesuatu kumpulan secara proaktif dari terlibat dalam sesuatu masalah yang boleh menjadi serius. Manakala, pendekatan pemulihan (rehabilitation) melibatkan aktiviti untuk memulihkan seseorang atau sesuatu kumpulan yang telah melakukan keburukan dan telah mengalami kerosakan akhlak. Kant (1785) dalam teori kewajipan seseorang individu (principle of duty), berpendapat konsep tekad baik (goodwill) adalah bertindak dengan betul (intrinsic) tanpa menentukan niat seseorang. Proses Pencegahan tidak dapat dilaksanakan apabila semua genap masyarakat lalai terhadap tanggungjawab (duty for the sake of duty) (Kant, 1785).

Oleh itu, prinsip kewajipan dalam Islam perlu dilaksanakan, sepertimana dijelaskan tiga unsur utama iaitu pertama, ilmu; kedua, jihad; ketiga, ubudiah, yang menegaskan bahawa pendidikan adalah sebuah sistem sosial yang menentukan pengaruh dan kesan keluarga atau sekolah dalam membentuk akhlak remaja (Mahmud, 2004). Darussalam (1997) menjelaskan manusia menyedari bahawa pendidikan Islam perlu menekankan proses reproduksi manusia (prokreasi) tidak dipandang maksiat. Persenggamaan yang membentuk janin sehingga kelahiran

melalui nikah yang halal patut diutamakan dan Islam mengangkat fitrah seksualiti dan institusi keluarga yang sah dan tinggi di sisi Islam. Omar (2010) mengatakan bahawa etika atau akhlak adalah disiplin ilmu yang mengkaji berbagai isu baik dan buruk tentang adat, susila, tabiat, cara berfikir, sikap, agama, yang dapat mempengaruhi pertanggungjawaban manusia seperti akal, niat, kebebasan dan sebagainya.

2. Pendekatan Pemulihan Cara Islam

Akhlak adalah suatu perkara amat penting yang berperanan sebagai penanda aras bagi diri seseorang. Seharusnya pemahaman mengenai nilai-nilai dasar (core values) akan menjadikan manusia itu kebaikan. Al-Attas (1979) selalu menekankan perlunya penguasaan ilmu agama Islam yang murni dan mendalam sebagai memberi makna terhadap proses ubudiah kepada Tuhan. Pemahaman nilai-nilai dasar ini akan menjadikan manusia yang terpelihara secara intelektual dan spiritual. Aspek ilmu yang mengangkat nilai-nilai dasar ini adalah ilmu fardhu ain yang menjadi media bagi menghayati serta tunduk kepada segala peraturan Allah SWT (Abu Bakar, 2005). Oleh itu, manusia perlu memfokuskan kepada kefahaman tentang teknik latihan spiritual, mengenal diri, mengetahui kebaikan solat sebagai menilai penyakit spiritual (Aziz, 2009). Setiap pergerakan solat ini juga menyebabkan darah dapat beredar ke seluruh tubuh dan apabila sujud darah akan beredar ke bahagian otak dan memberikan tenaga mengawal bacaan dalam solat dan melindungi fikiran lain yang mengganggu solat (Husain, 2006). Untuk menghilangkan kebiasaan berbuat dosa dan bangkit untuk membersihkan jiwa, usaha merasa takut pada siksaan hari akhirat, kekerapan membaca dan kefahaman makna al-Quran. Sentiasa beristiqamah dan bertaubat untuk meninggalkan dosa serta tetap hatinya untuk tidak kembali melakukan dosa-dosa yang serupa di masa akan datang (al-Qushayri, 1959). Maka hilanglah rasa ketagihan melakukan dosa, menyesal, bertaubat dan khusyuk serta kembali dan memohon dengan rasa takut (khawf) dan harapan (raja') kepada Allah SWT (An-Najar, 2004a). Sikap menyedari kelemahan dan kurang upaya diri, berazam sepenuhnya dan mengharapkan keampunan dari Allah SWT merupakan amalan mukmin sejati (al-Muhasibi, 1929). Di samping itu, manusia memerlukan ikhlas, sabar dan benar bersepadu dalam setiap amalan dan tidak akan sempurna ketiga sifat ini yang saling menguatkan yang lain (al-Kharraz, 1981).

Di Malaysia, Akta Kanak-Kanak 2001, ditubuhkan bagi tujuan perlindungan dan pemulihan kanak-kanak bermasalah, antaranya sumbang mahram atau inses yang ada pertalian darah. Mengikut Santoso (1997) dan kecederaan dihadapi ialah luka pada bibir, (lesion on lips

caused by scratch), jangkitan pada alat kelamin. Inses termasuk dalam bentuk kekerasan seksual dan bahaya apabila berlaku inses kepada mangsa (Karman, 1984). Menurut Yaakub et al. (2017), nilai moral pesalah tegar seperti pesalah juvana dan nilai moral merupakan antara pendekatan proaktif dilaksanakan melalui pendekatan pemulihan Islam bagi pesalah seks remaja. Pendekatan pemulihan ini memerlukan teknik yang berkesan supaya membuka minda untuk menimba ilmu pengetahuan dalam membentuk keimanan dan mendapat petunjuk Ilahi (Mansor, 2016).

Pemulihan cara Islam menurut pengkaji ialah mengembalikan fitrah kerohanian yang tercalar akibat seseorang itu terjebak dalam pintu-pintu kekejian yang terbuka luas. Pemulihan amat diperlukan untuk mengembalikan fitrah kejiwaan, fikiran, spiritual, akhlak, fizikal dan pemahaman berdasarkan kebenaran yang mutlak. Fungsi pemulihan secara Islam ini didapati berasaskan rangka pendidikan dan pengajian dengan tujuan untuk mengimbangi ilmu dan jiwanya mengenai ilmu tauhid, fekah dan ibadah yang telah jauh terpesong. Oleh itu, golongan remaja hendaklah bermuhasabah dan mengenali isi hati sama ada mahrim atau pun tidak.

3. Peranan pencegahan dan pemulihan dalam *Sad al-Dhara'i'*

Peranan pencegahan dan pemulihan dikenalpasti dapat menutupi pintu keburukan melalui *Sad al-Dhara'i'* terhadap akhlak remaja. Didapati peranan kerajaan, Pejabat Hal Ehwal Agama Islam, Tindakan Dasar Keluarga Sakinah Negara, JAKIM dan IPD Komuniti, PDRM yang melaksanakan pendekatan pencegahan dan pemulihan dalam menutupi pintu maksiat iaitu:

3.1 Peranan Kerajaan

Di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Pihak Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) telah menubuhkan Taman Seri Puteri (TSP) di bawah seksyen 55 (tempat perlindungan) bagi rehabilitasi kanak-kanak yang terjebak melakukan perbuatan seksual, atau bersetubuh dengan apa-apa maksud lucuh, samada di bawah kawalan muncikari atau diancam bagi maksud pelacuran. Kemasukan melalui perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah Perenggan 40(1)(e) atau memohon sendiri di bawah subseksyen 41(1) memerlukan perlindungan segera. Tempoh perlindungan dan pemulihan selama 3 tahun tetapi boleh dibebaskan sebelum tamat tempoh dengan Kuasa Menteri atau kelulusan Lembaga Pelawat. Manakala, Asrama Akhlak ditubuhkan di bawah seksyen 61 (Asrama Akhlak) Akta Kanak-Kanak 2001, lima buah untuk lelaki dan tiga untuk perempuan. Bertujuan memberikan rehabilitasi kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah, menyebabkan cedera parah, merogol, melakukan sumbang mahram atau mencabul kehormatan, kesalahan di bawah seksyen 377B, 377C, 377D, 377E Kanun

Keseksaan. Kemasukan melalui perintah Mahkamah, 91(1)(e)(perintah percubaan) atau seksyen 46 (kanak-kanak tidak terkawal) (Ramli, 2017a).

Sementara, Sekolah Tunas Bakti (STB) adalah diluluskan kepada yang berusia sepuluh tahun (10) ke atas dan memerlukan institusi untuk penahanan dan pemulihan di bawah seksyen 65. Kemasukan mengikut Perintah Mahkamah di bawah perenggan 91(1)(f), dihantar ke sekolah diluluskan atau Sekolah Henry Gurney). Tempoh Pemulihan selama tiga tahun tetapi boleh dibebaskan sebelum tamat tempoh dengan kelulusan Kuasa Menteri atau Lembaga Pelawat. Perbezaan di antara Asrama Akhlak merupakan satu tempat percubaan dalam memulihkan akhlak kanak-kanak yang diperintahkan selama 1 tahun manakala Sekolah Tunas Bakti (STB) merupakan tempat yang tetap selama 3 tahun. Sementara Taman Seri Puteri merupakan Institusi yang hanya menempatkan perempuan berumur bawah 18 tahun yang lebih cenderung kepada pelacuran (Ramli, Z 2017b).

Menurut pengkaji, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mewakili Kerajaan Malaysia dalam menangani pelaku dalam berbagai jenis kesalahan telah melakukan peranannya secara berkesan. Terdapat tiga (3) buah pusat yang ditubuhkan oleh kerajaan, iaitu Asrama Akhlak, Sekolah Tunas Bakti dan Taman Seri Puteri yang dinilai mencukupi untuk menangani berbagai jenis permasalahan remaja. Dianggapkan sesiapa yang terlibat dengan mana-mana kategori kesalahan tersebut tidak akan mengulangi lagi untuk memasuki pusat pemulihan ini. Hal ini berlaku kerana ia menjejaskan maruah dan dipandang serong oleh segelintir masyarakat. Bagaimanapun, mereka memerlukan rawatan pemulihan bagi mengubah hala tuju dan kewibawaan pelaku. Oleh yang demikian, diharapkan agar penghuni pusat ini dapat menjadi duta kecil kepada remaja lain supaya menjaga kewibawaan diri dan nama baik keluarga terpelihara.

3.2 Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Seluruh Negeri di Malaysia

Peranan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) dalam melaksanakan Hisbah di negeri Selangor (Abdullah, 2000), banyak memberi tumpuan kepada aspek pencegahan maksiat melalui penubuhan skuad ini dan PPA melaksanakan hisbah Pengurusan Hal Ehwal Islam yang berkait dengan kesusilaan. Di Kelantan, unit pencegahan bertanggungjawab mengumpulkan data statistik kasalahan dan mengendalikan program-program kaunseling dan pencegahan, termasuk di dalam premis. Hal ini bagi mengelakkan lebih banyak berlaku kes perzinaan dan kegiatan buang bayi, (Abdul Rahim & Mohamed Saifuddin, 2018). Di Johor Bahru, Exco Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Johor, Aminolhuda Hassan berkata dalam

menguatkuasakan undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (1997) dijalankan bertujuan mencegah masyarakat Islam terlibat perkara bertentangan hukum syarak. Sebanyak 1,732 kes tangkapan dibuat dan 511 kes dari jumlah ini merupakan kes khalwat di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor (1977). Selain itu, kesalahan yang sering dilakukan tangkapan ialah berjudi di bawah seksyen 18(1), memabukkan di bawah seksyen 19(1) dan juga khalwat di bawah seksyen 27(1)(a)(b) (Othman, 2019). Aminolhuda Hassan menjelaskan lagi, JAIJ mendapat kerjasama yang baik dari PDRM, AADK, Jabatan Imigresen Malaysia dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Di samping mengharapkan kerjasama daripada masyarakat awam dan membuat aduan resmi di Pejabat Agama Daerah atau di Ibu Pejabat (Othman, 2019). Di Malaysia, banyak pengajaran yang diperoleh daripada Pejabat Hal Ehwal Agama Islam seluruh negeri mengenai pendekatan pencegahan terhadap kesalahan yang diwartakan di bawah Enakmen Tatacara Kesalahan Jenayah Syariah. Tangkapan di bawah seksyen tertentu dikenakan bagi kesalahan besar seperti perzinaan, buangan bayi dan sumbang mahram dan seumpamanya. Pihak PHEAI memberikan teguran bertahap kepada mereka yang melakukan perkara terbabit, iaitu dengan mengadakan konseling bagi kesalahan yang masih boleh dibendung. PHEAI mendapat sokongan dari agensi-agensi lain seperti JPJ dan PBT serta PDRM bagi memudahkan urusan pemeriksaan dijalankan. Oleh itu, kelegaan pada masyarakat apabila ada pihak menangani aspek pencegahan dan keamanan persekitaran dapat dirasai oleh semua pihak.

3.3 JAKIM dan Organisasi Kerajaan

Kesan pencegahan di dapati agak berhasil sepertimana ditunjukkan oleh KKM, Bahagian Kesihatan Seksual dan Reproduksi. Berlaku penurunan kes 10-19 tahun yang telah terdaftar di fasiliti kesihatan primer KKM bagi tahun sebanyak 18,847 (2012), 17,588 (2013), 16,528 (2014), 13,831 (2015), 12,492 (2016), 11,024 (2017), 3,972 (2018). Mulai 2008, KKM telah mewujudkan Jawatankuasa Teknikal Kesihatan Remaja Kebangsaan (JTKRM) untuk memantau implementasi Dasar Kesihatan Remaja Negara dan Pelan Tindakan Kesihatan Remaja Kebangsaan 2015-2020. Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mendokong Dasar Kebangsaan Negara (DKN) secara prinsipnya mengutamakan perspektif keluarga secara konsisten dan menjadi pemangkin kepada komitmen semua masyarakat. Hubungan JAKIM dengan LPPKN di bawah KPWK, membolehkan data-data hasil penyelidikan dikongsi dengan semua keluarga di Malaysia. JAKIM menumpukan berkaitan kaunseling Syar'i sebagai satu nilai tambah dan meliputi usahasama persefahaman dengan Lembaga Penduduk

dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (JHEAIN).

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia membangunkan Pelan Strategik JKSM yang lebih berfokus dalam tempoh 2016 – 2020 (Pindaan 2013-2018). Dari pembabitan dengan JAKIM, satu bahagian baru ditubuhkan, iaitu Bahagian Sokongan Keluarga Islam, hasil keputusan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) ke 47 dipengerusikan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi. Di sini, pelaksanaan hukuman ta'zir adalah disyariatkan, telah dilakukan oleh Khulafa al-Rasyidin dan tidak boleh diingkari sesiapa selepasnya serta mendatangkan gerun pada pelaku jenayah. Ta'zir pada istilahnya, adalah hukuman yang tidak ditetapkan oleh syara' pada setiap maksiat (El-Muhammady, 1998). Dabit ini bertujuan menghalang dan memperbetulkan semula akhlak pesalah daripada kembali mengulangi kejahatan tertentu umpamanya seperti mendidik kanak-kanak dan orang kafir. Oleh itu, kerjasama JAKIM dan Mahkamah Syariah yang menghasilkan pengetahuan mengenai perundangan Mahkamah seperti dilaporkan oleh Ismail (2011) dalam *Law Report 4*, 2011.

Pelan Tindakan Dasar Keluarga Sakinah Negara (TDKSN) dilaksanakan secara holistik oleh pegawai-pegawai JAKIM, JAIN, MAIN di seluruh negara. Berdasarkan Buku Laporan Tahunan JAKIM 2017, JAKIM berupaya menerbitkan modul hal berkaitan Modul Kemahiran Keibubapaan, Modul Pembangunan Remaja, Modul Pendidikan Kanak-Kanak, Modul Pengurusan Konflik Keluarga dan Modul Kehamilan dan Kelahiran (Othman, 2017) . Walaubagaimanapun, keberkesanan modul-modul ini masih boleh dipersoalkan apabila terdapat kes perceraian dilaporkan 70 kes setiap hari bagi kalangan pasangan Islam mengikut statistik JAKIM bagi tahun 2011. Didapati ada dalam kalangan remaja terdedah kepada persekitaran keluarga, jiran tetangga dan persekolahan, jiran tetangga yang negatif, namun mengikut (Hoover-Dempsey & Sandler, 2005), mengatakan bagaimana ibu bapa meletakkan peranan keibubapaan yang baik terhadap anak itu lebih penting. Manakala ^c Aqil (1985) menyatakan remaja mengalami pelbagai cabaran dan dugaan diawal permulaan awal usia baligh, walaupun begitu, nilai iman seharusnya difahami berasaskan pengertian hukum syarak.

Namun, bagaimanapun, sinergi hubungan ibu dan ayah mendorong potensi anak berkembang dengan baik tanpa tekanan dan paksaan. Manakala Ibn 'Abd al-Barr menguatkan pendapat Ibn Hajar menyebut *khilqat Islamiyah* iaitu fitrah yang diciptakan Allah SWT untuk manusia merupakan satu benih kesetiaan menerima kebenaran Islam (al-Nawawi, 1978).

Pengkaji sangat bersetuju dengan penulisan mengenai *khilqat Islamiyah* yang menyentuh tentang peranan ibu bapa dalam apa hal sekali pun, terutamanya mengenai benih kesetiaan menerima kebenaran Islam. JAKIM menganjurkan TDKSN untuk memberikan peluang kepada remaja dan ibu bapa menangani sesuatu isu yang berbangkit dan ditangani berdasarkan modul Pengurusan Konflik Keluarga. Ibu bapa perlu mempunyai kemahiran dalam memahami anak dari pelbagai sudut dan dapat dipelajari dalam modul Kemahiran Keibubapaan. Sementara itu, mana-mana pelaku yang telah pun melebihi had kemampuan ibu bapa dan melampaui batas perundangan negara, maka setelah melalui beberapa proses undang-undang, di mana akhirnya JKSM akan mengambil alih dengan penetapan hukuman ta'zir kepada pelaku terbabit. Apapun, tujuannya adalah untuk mengembalikan kesedaran pelaku mengenai erti kehidupan dan meningkatkan kembali nilai keimanan yang jauh tercamar dan tersusut. Oleh itu, kesedaran ini sepatutnya bermula di peringkat awal baligh lagi sehingga seterusnya pada peringkat mencapai dewasa.

3.4 Pihak IPD Bahagian Komuniti, PDRM

Sad al-Dhara'i' dapat dicapai apabila PDRM mengambil langkah memelihara keselamatan 'remaja berisiko' yang melakukan kejahatan nafsu dengan naluri seks disalurkan cara tidak sah dan bertentangan dengan nilai Islam serta rasional berfikir diketepikan (Ghazalba, 1981). Golongan ini didedahkan dengan pelbagai jenis jenayah supaya dapat memperlengkapkan diri dengan undang-undang Negara. Selain itu, banyak langkah-langkah Program Permuafakatan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan PDRM dianjurkan, antaranya Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS), yang menjalankan 'Pemantauan Jenayah Penyalahgunaan Dadah Pelajar Sekolah (Mokhtar, 2019). Begitu juga PPS Membantu Disiplin di Sekolah dan PPS Membantu Kes Buli di Sekolah, menegaskan PDRM dapat mengatasi banyak keadaan, dengan pembabitan Jabatan Pendidikan, sekolah dan badan bukan kerajaan serta ibu bapa yang menjadi individu penting dalam mencorakkan kehidupan anak. ("PDRM sambut baik", 2017).

4. Hikmah pelaksanaan psikoterapi Islam (*Sad al-Dhara'i'*)

Pengertian psikoterapi Islam adalah proses pengobatan dan penyembuhan melalui al-Quran dan As-Sunnah atau pun secara empiriknya melalui pengajaran Allah, para malaikat, rasul dan ahli waris para nabi (Adz-Dzakiy, 2001). Psikoterapi juga dikatakan pengobatan dengan secara psikologis untuk masalah berkaitan fikiran, perasaan dan perilaku. Menurut Mujib (2002) berasal dari dua perkataan iaitu "Psyche" yang ertinya jiwa, fikiran atau mental,

manakala “Therapy” ialah penyembuhan, pengubatan dan perawatan. Penyembuhan yang digunakan berdasarkan metod psikologis yang diertikan sebagai pemulihan minda iaitu rawatan sakit jiwa atau gangguan mental dengan menggunakan kaedah psikologi (Jaya, 1994). Psikoterapi Islam mempunyai fungsi tersendiri iaitu fungsi pemahaman tentang masalah hidup manusia, fungsi pengendalian iaitu mengarahkan setiap aktiviti manusia berada dalam pengendalian dan pengawasan Allah. Fungsi peramalan iaitu potensi melakukan analisis tentang banyak kejadian. Fungsi pengembangan (development) iaitu mengembangkan ilmu Islam berhubung dengan masalah kehidupan, fungsi pendidikan iaitu memberi ilmu pengetahuan dan meningkatkan kualiti daya manusia (Amin, 2010).

Hikmah pelaksanaan psikoterapi Islam melalui konsep *Sad al-Dhara’i’* ini berupaya menundukkan nafsu seseorang sehingga tegaknya sendi-sendi kehidupan. Psikoterapi Islam juga berhasil mengembalikan rasa keinsafan yang mendalam setelah melalui pelbagai kejahatan seperti rasa dendam, pamarah, berperasangka buruk, berkelakuan liar, suka mengambil hak orang lain (Adz-Dzakiy, 2001). Malah pelaksanaan hikmah yang diperolahi iaitu menyedari eksistensi manusia perlu pada bimbingan dan rehabilitasi dari kejahatan. Hal ini menunjukkan bahawa jiwa manusia yang murung dan rasa keimanan yang tandus boleh dikembalikan melalui sumber Al-Quran. Penyelidik Islam mengkaji hal spiritual, yang merupakan sumber membentuk kebaikan dan menghilangkan kejahatan (An-Najar, 2004b). Kajian spiritual yang merangkumi tujuh domain spiritual, iaitu *al-Qalb*, *al-Nafs*, *al-‘Aql*, *al-Ruh*, *al-Tawhid*, *al-‘Ibadah* dan *al-Akhlaq*, lebih kepada soal kepercayaan dan pengukuhan mampu melakukan proses pencegahan dan pemulihan (Baharuddin & Ismail, 2014). Bagi kajian tentang aspek psikoterapi Islam dalam kitab Jawi “Penawar Bagi Hati” oleh Syeikh Abdul Qadir al-Mandili melalui proses takhalli (menghapuskan sifat mazmumah) dan tahalli (penyuburan sifat mahmudah). Juga dikemukakan tiga komponen utama iaitu; pertama, kawalan dan pencegahan tujuh anggota zahir; kedua, rawatan dan pemulihan (rehabilitation) sifat-sifat dicela; ketiga, suntikan penerapan sifat-sifat terpuji. (Badariah dan Che Zurina (2013).

Berdasarkan buku *al-Jawab al-Kafi Liman Sa’ala al-Dawa’ al-Shafi*, tentang beberapa proses terapi meliputi: *Irshad* (konseling), *Tabyin* (penjelasan), *Tanbih wa Tahdid* (peringatan dan ancaman), *Amr bi Taqwa wa Nahy ‘an Ma’siyah* (menyeru pada ketakwaan dan mencegah kemaksiatan), *al-Bir wa al-ta’ah* (perbuatan baik dan ketaatan), *Maw’izhah* tentang al-Quran, iman, kematian, neraka dan perkara yang menghapus kebaikan atau pahala, serta doa, dzikir dan tahlil. Hal kemaksiatan dijelaskan bahawa berpunca dari kejahatan berkaitan *al-laaazat*

(pandang pertama), *al-khatarat* (pikiran terlintas dalam benak), *al-lafazat* (ucapan yang dilafazkan) dan *al-khutuwat* (langkah nyata untuk sebuah perbuatan). Pengertian maksiat itu yang pertama, sebagai racun; kedua, perbuatan yang terkeluar dari norma kemanusiaan; dan ketiga, kedurhakaan yang membawa pada kedurhakaan yang lainnya. Ketiga-tiga unsur ini diimbangi oleh *al-'itidad* dan boleh melalui dua keadaan, di mana kedua elemen itu memberi keburukan dan kebaikan pada tingkah laku manusia (al-Jawziyyah, 1986; t.th.).

Al-Durani (1987) menjelaskan maksiat adalah segala perbuatan yang sifatnya meninggalkan yang wajib dan mengerjakan apa yang diharamkan. Dalam ajaran Islam, Rasulullah SAW diutus ke dunia ini bagi memberikan petunjuk pencegahan dan pemulihan yang boleh diikuti dari perkataan, perbuatan, sikap dan gerak-geri Rasulullah SAW sebagai pedoman seluruh umat Islam. Oleh yang demikian, dengan hikmah psikoterapi Islam dapat menjadikan elemen spiritual sebagai esensi perilaku yang menentukan baik buruk kehidupan seseorang manusia.

Menurut pemerhatian pengkaji, di Malaysia, Psikoterapi Islam sedang berkembang dan sangat diperlukan oleh remaja yang menghadapi masalah yang kritikal. Peserta yang mengalami masalah dan mengikuti pelaksanaan psikoterapi Islam telah menunjukkan perkembangan yang sungguh menakjubkan. Mereka dilengkapi diri dengan persediaan menghadapi tekanan dari pihak yang tidak bertanggung jawab. Kebanyakan dari mereka yang telah melalui psikoterapi ini, dapat mendisiplinkan diri dari mengikuti telunjuk orang lain untuk jalan yang salah. Di dapati antara psikoterapi Islam yang dapat dicontohi ialah *Shifaul Qalbi*. Terapi yang mengutamakan JATI (jujur, amanah, tanggungjawab, ikhlas) sebagai pengukuhan kepada IMEJ (Iman, Mental, Emosi dan Jasmani). Berdasarkan empat perkara ini dan mengambil pengajaran dari perkara tersebut, menjadikan mereka seolah baru dilahirkan semula bersama kekuatan yang baru dalam diri mereka. Kini hidup mereka mempunyai cahaya yang memandu cara hidup yang berterusan dengan cahaya iman dengan kesegaran minda, emosi yang kukuh serta fizikal yang mantap. Psikoterapi *Shifaul Qalbi* ini diasaskan oleh Shamsuri bin Osman pada tahun 2008, sebagai seorang yang ketagihan dadah dalam waktu yang lama iaitu melebihi lebih kurang 27 tahun, dan berbekalkan kesedaran diri sendiri (self-awareness) yang tinggi, beliau mampu tidak bergantung pada dadah lagi. Oleh itu, hikmah psikoterapi Islam ini boleh melakukan penyuburan sifat terpuji melalui anggota tubuh yang bersepadunya tujuh domain spiritual, iaitu *al-Qalb*, *al-Nafs*, *al-'Aql*, *al-Ruh*, *al-Tawhid*, *al-'Ibadah* dan *al-Akhlaq*, yang mampu melakukan

proses pencegahan dan pemulihan dan akhirnya menutupi segala pintu keburukan (*Sad al-Dhara'i'*).

Kesimpulan

Konsep penutupan pintu maksiat (*Sad al-Dhara'i'*) seharusnya menjadi satu pegangan dalam menentukan konsep pencegahan dan pemulihan akhlak bagi pembangunan remaja. Pendekatan pencegahan seharusnya bermula dengan suatu ketetapan mengenai kewajipan dalam Islam, iaitu ilmu yang memandu manusia untuk berjihad melawan nafsu dan melakukan ubudiah kepada Allah SWT. Hal ini merupakan sebuah sistem sosial yang mempengaruhi sikap dan cara berfikir terhadap kesyuman agama Islam yang membentuk semula akhlak remaja. Manakala, proses pendekatan pemulihan secara Islam adalah bertujuan mengembalikan nilai moral dan akhlak serta menambahkan ilmu pengetahuan terhadap pesalah tegar juvana. Pendekatan ini memerlukan beberapa teknik yang berkesan untuk membentuk keimanan mendapat petunjuk Ilahi.

Dengan itu, peranan kerajaan iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Tindakan Dasar Keluarga Sakinah Negara (TDSKN) iaitu di bawah JAKIM, Enakmen Tatasusila Jenayah Syariah (ETJS) iaitu Bahagian Penguatkuasaan Islam Negeri, telah menjalankan peranan dengan baik, namun masih dipersoalkan memandangkan meningkatnya perlakuan jenayah dari masa kesemasa.

Justeru itu, sekiranya pendekatan pencegahan dapat dilakukan dengan lebih berkesan, maka pendekatan pemulihan tidak akan menjadi dominan untuk memulihkan seseorang yang telah mengalami kerosakan akhlaknya (*prevention is better than cure*). Proses ini juga menunjukkan pencegahan terhadap tujuh anggota zahir dan menjauhkan sifat-sifat tercela serta melakukan penerapan sifat-sifat terpuji. Dalam hal ini, hikmah psikoterapi Islam boleh dilihat dalam proses *takhalli* (menghapuskan sifat mazmumah) dan *taaalli* (penyuburan sifat mahmudah). Dengan itu, boleh ditegaskan bahawa dengan penutupan pintu-pintu keburukan (*Sad al-Dhara'i'*), hikmah psikoterapi Islam dikatakan banyak memberi perlindungan kepada setiap individu. Sumber daya dapat dibangun dan dikembangkan semula kualiti iman dan ihsan sehingga membawa kepada perubahan dalam kehidupan.

Walaupun bagaimanapun, hikmah Psikoterapi Islam menunjukkan potensi menyeluruh bagi remaja yang berpegang dan mengikut panduan Rasulullah SAW. Untuk tujuan tersebut, adalah dicadangkan mengenai potensi psikoterapi Islam, yang perlu diperbanyakkan di kalangan

remaja bermasalah sama ada perempuan ataupun lelaki. Psikoterapi Islam mempunyai banyak hikmah yang boleh dicapai oleh organisasi yang melakukan terapi ini sama ada organisasi kerajaan atau pun swasta. Bagi mana-mana organisasi pun, para guru untuk mendidik kumpulan sasar ini bukan hanya dipilih dari kalangan yang pandai ilmu keagamaan semata-mata, tetapi yang mempunyai keperibadian yang terpuji. Dalam erti kata lain, seseorang itu tidak mengutamakan gaji semata-mata untuk pembiayaan, malah yang lebih menjadi fokus ialah mengutamakan anak didikan yang jauh terbelenggu dengan perkara keji dan keburukan. Pemahaman bahawa pengampunan itu milik Allah SWT sekiranya kesedaran itu bersandarkan kepada keinsafan dan taubat yang berada di pangkal hati yang jujur dan ikhlas. Maka keikhlasan seorang guru dan pendakwah yang cermat menyantuni pesertanya akan mendatangkan hasil yang sungguh baik.

Rujukan

- ^cAqil, F. (1985). *Mu‘jam Ilm al-Nafs*. Beirut: Dar El-Ilm Lil Malayin.
- Abdul Rahim, N. F. & Mohamed Saifuddin, F. A. (2018). Cegah Maksiat: Kelantan Teruskan Operasi di Semua Premis. Berita Harian. Dicapai daripada -kelantan-maksiat-berita/nasional/2018/10/491780/cegah/https://www.bharian.com.my premis-semua-di-operasi-teruskan. (lihat 4 June 2020).
- Abu Bakar, U. (2005). *Fungsi Ganda Lembaga Pendidikan Islam*. Yogyakarta: Safiria Insania.
- Abdullah, H. F. (2007). *Membongkar Aliran Islam liberal*. Kempas, Johor: Penerbit Jahabersa.
- Abdullah, M. S. (2000). *Penyelarasan Pengurusan Islam Peringkat Negeri dan Kebangsaan*. Dlm. Don, A. G., Abdullah, B. & Abd Ghani, Z. (Pnyt.). *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia; Konsep dan Pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adz-Dzakiy, H. B. (2001). *Konseling dan Psikoterapi Islam*. Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru.
- al-Attas, S. M. N. (1994). *Konsep Pendidikan dalam Islam: Suatu Rangka Pikir Pembinaan Filsafat Pendidikan Islam*. Bandung: Mizan.
- al-Attas, S. M. N. (1979). *Aim and Objectives of Islamic Education*. London, UK: Hodder & Stoughton.
- al-Durani, F. (1987). *Khasa'is al-Tasyri al-Islami fi al-Siyasah wa al-Hukum*. Beirut: t.pt.
- al-Ghazali, A. H. (t.th.) *al-Mabadi 'al-Khamsah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Jawziyyah, I. Q. (1986). *Kitab al-Ruh*. Beirut: Dar al-Kitab Al-^cArabi.
- al-Jawziyyah, I. Q. (t.th.). *al-Jawab al-Kafi Liman Sa'ala al-Dawa' al-Shafi*. Beirut: Ibn Hazm.

- al-Kharraz, A. S. (1981). *Masalah Sufi atau Jalan Menuju Kepada Allah*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- al-Muhasibi. (1929). *al-Masa'il fi A'mal al-Qulub wa al-Jawarih*. Kaheerah: ^cAlam al-Kutub.
- al-Nawawi, A. Z. (1978). *Sharh Sahih Muslim*. Beirut: Dar al- Fiqh.
- al-Qushayri, A. K. (1959). *Risalah Sufi Al-Qusyairi*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- al-Suyuti, J. (t.th.). *al-Jami' al-Saghir fi Ahadith al-Bashir al-Nazir*. t.tp.: Dar al-Fikr.
- al-Tawil, O. (1992). *al-Tarbiyah al-Jinsiyyah fi al-Islam li al-Fatayat wa al-Fityan*. Jordan: Dar al-Furqan.
- Amin, S. M. (2010). *Bimbingan dan Kaunseling Islam*. Jakarta: Amzah.
- An-Najar, A. (2004a). *Ilmu Jiwa Dalam Tasawuf: Studi Komparatif dengan Ilmu Jiwa Kontemporer*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- An-Najar, A. (2004b). *Psikoterapi Sufistik dalam Kehidupan Modern*. Jakarta: t.pt.
- Aziz, N. A. A. (2009). Internet, Laman Web Pornografi dan Kaedah Psikospiritual Islam dalam Menangani Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi. *Jurnal Usuluddin*, 29, 147-169. <http://mjs.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7306>.
- Azmi, S. S. (2009). *Persepsi Terhadap Tingkahlaku Seks Sebelum Nikah di Kalangan Mahasiswa Melayu Universiti Malaya*. Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Badariah, S. & Che Zarina. (2013). Beberapa Aspek Psikoterapi Islam. *Afkar*, 14, 109-142.
- Badran, B. A. (1965). *Usul al-Fiqh*. Iskandariah, Mesir: Dar al-Ma^carif.
- Baharuddin, E., & Ramli, Z. (2014). Definisi dan konsep kecerdasan ruhaniah menurut perspektif sarjana Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam JAKIM*, 26, 49-61.
- Cresswell, J. W. (2009). *Research Design Qualitative Approach*. Los Angeles, LA: Sage.
- Darussalam, A. (1997). *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiyah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Din, H. (2001). *Manusia dan Islam*. Jil. 1&2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dora, M. T. (2004). Isu dan Faktor Penderaan Kanak-Kanak di negeri Johor Darul Takzim. *Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-Kanak*. The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang.
- El-Muhammady, A. H. (1998). *Undang-Undang Jenayah Islam Enakmen Negeri-Negeri*. Bandar Baru Bangi Selangor: Wadah Niaga
- Farhat, Y. S. (2000). *Mu'jam al-Tullab*. Beirut: Dar al-Kutub al-^cilmiyyah.

- Gazalba, S. (1981). *Ilmu Filsafat dan Islam tentang Manusia dan Agama*. KL: Penerbitan Pustaka Antara.
- Hathout, H. (1994). *Revolusi Seksual Perempuan: Obsesi dan Genekologi Dalam Tinjauan Islam*. Bandung: Mizan.
- Hoover-Dempsey, K. V., & Sandler, H. M. (2005). *The social context of parental involvement: A path to enhanced achievement (Final performance report for OERI Grant# R305T010673)*. Nashville, TN: Vanderbilt University.
- Husain, A. (2006). *Islamic Psychology Emergence of a New Field*. New Delhi: Global Vision Publishing House.
- Hussin, N. (2007). Undang-undang Islam: jenayah, keterangan dan prosedur. *Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia (13)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Manzur, M. (1958). *Lisan al-^oArab*. Jil. 4. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Miskawayh. (1999). *Menuju Kesempurnaan Akhlak*. Bandung: Mizan.
- Ismail, S. Z. (2011). Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-Undang Syariah. *Syariah Law Report* 4, 31.
- Jaya, Y. (1994). Peranan Taubat dan Maaf Dalam Kesehatan Mental. Jakarta: YPI Ruhama.
- Kant, I. (1785). *Grundlegung zur Metaphysik der Sitten*. t.tp.: t.pt.
- Karman, A. (1984). *Crimen Victim: Introduction to Victimology*. California, CA: Standard University Press.
- Mahmud, A. A. (2004). *Akhlak Mulia*. Jakarta: t.pt.
- Mansor, N. H. (2016). Implementasi Ibadah Islam Sebagai Terapi Salah Laku Seksual Remaja: Kajian Terhadap Pusat Perlindungan Wanita T erpilih di Selangor. *International Journal of Malay World and Civilization (IMAN)*, 4(1), 73-84.
- Mohamad, M. (2015). Lesbian, gay, biseksual dan transgender: perspektif undang-undang jenayah syariah. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 19, 29-36.
- Mohamad, M. N., Omar, A. F., Muda, M. Z. & Yahya, M. Z. (2001). Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhtar, N. A. (2019, Feb 8). PPS bantu cegah, pantau jenayah pelajar sekolah. *BH Online*. Dicapai daripada: -bantu-<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/02/528703/pps-sekolah-pelajar-jenayah-pantau-cegah>. (lihat 5 January 2021)
- Muhammad Yusuf, M. S. (2002). *Manhaj al-Qur'an al-Karim fi Islah al-Mujtama^o*. Beirut: Dar al-Salam

- Mujib, A. (2002). *Nuansa-Nuansa Psikologi Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Nazim, A. M., Shama, F., & Hamjah, S. H. (2013). Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 35(1): 111-119.
- Omar, M. N. (2010). *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit UKM.
- Othman, A. (2019). JAJ Terus Laksana Tindakan Penguatkuasaan. *Sinar Harian*. Dicapai daripada -laksana-terus-<https://www.sinarharian.com.my/article/8611/EDISI/Johor/Jaij-penguatkuasaan-tindakan>.
- Othman. (2017). *Laporan Tahunan JAKIM*. Dicapai daripada <http://www.scrib.com/document/439969828>. (lihat 25 April 2021)
- PDRM Sambut Baik Usaha Cegah Gejala Buli Pelajar Sekolah. (2017, August 10). *Rmp.gov.my*. Dicapai daripada -baik-sambut-berita/berita/2017/08/10/pdrm-<https://rmp.gov.my/arkib-sekolah-pelajar-buli-gejala-cegah-usaha>. (lihat 16 July 2021)
- Rahman, A. A., Rahman, R. A., Ibrahim, M. I., Salleh, H., Ismail, S. B., Ali, S. H., ... & Ahmad, A. (2011). Knowledge of sexual and reproductive health among adolescents attending school in Kelantan, Malaysia. *Southeast Asian Journal of Tropical Medicine & Public Health*, 42(3):717-725.
- Ramli, Z. (2017a). Jabatan Kebajikan Masyarakat Asrama Akhlak. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.
- Ramli, Z. (2017b). Jabatan Kebajikan Masyarakat Taman Seri Puteri. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.
- Sabran, M. S. (2003). Model Pembangunan Komuniti. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 11(2):135-145.
- Santoso, T. (1997). *Seksualitas dan Hukum Padana*. Jakarta: Ind-Hill Co.
- Yaakub, A. et al. (2017). Pendekatan Program Pendidikan ke atas Remaja Hamil Luar Nikah. *International Journal of Islamic Studies (al-Qanatir)*, 8(3): 24-31.
- Yaakub, M. B. (2004). Peranan Keibubapaan Dalam Menangani Masalah Sosial Semasa dari Perspektif Islam. *Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-Kanak*. The Gurney Resort Hotel & Residence, Pulau Pinang.
- Zaydan, A. K. (2009). *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Tawzi wa al-Nasyr al-Islamiyah.